

D.R. 27/98

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perindustrian Niaga Hadapan (Pindaan) 1998.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 [*Akta 499*], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2—

(a) dalam takrif "perniagaan pembrokeran niaga hadapan", dengan memasukkan selepas perkataan "lain" perkataan "tetapi tidaklah termasuk perniagaan perdagangan kontrak niaga hadapan oleh seseorang pemegang lesen pengurus kumpulan wang niaga hadapan bagi pihak orang lain bagi maksud perniagaan pengurusan kumpulan wang niaga hadapannya"; dan

(b) dengan menggantikan takrif "perniagaan pengurusan kumpulan wang niaga hadapan" dengan takrif yang berikut:

' "perniagaan pengurusan kumpulan wang niaga hadapan", berhubung dengan seseorang, ertinya sesuatu perniagaan—

(a) berdagang, menurut kuasa budi bicara atau selainnya, yang diberikan di bawah suatu perjanjian dengan mana-mana orang atau orang-orang lain, dalam kontrak niaga hadapan bagi faedah orang atau orang-orang lain itu yang merupakan pihak atau pihak-pihak kepada perjanjian itu, atas asas bahawa apa-apa wang, harta atau kepentingan yang diperoleh oleh pihak atau pihak-pihak kepada perjanjian itu tidak boleh digunakan atau dipakai bersama dengan apa-apa wang, harta atau kepentingan mana-mana orang lain dalam keadaan yang serupa;

(b) yang menawarkan kepada mana-mana orang untuk memohon beli, atau mempelawa mana-mana orang untuk memohon beli kepentingan yang baginya
Akta 125. Pecahan 5 Bahagian IV Akta Syarikat 1965 terpakai jika apa-apa wang yang diperdapatkan diniatkan untuk digunakan berhubung dengan perdagangan dalam kontrak niaga hadapan; atau

(c) yang menawarkan kepada mana-mana orang untuk memohon beli, atau mempelawa mana-mana orang untuk memohon beli kepentingan yang memberikan hak kepada orang itu untuk turut serta sebagai seorang benefisiari di bawah suatu amanah dalam keuntungan atau pendapatan yang terdiri daripada atau termasuk keuntungan atau pendapatan yang terhasil daripada perdagangan dalam kontrak niaga hadapan,

tetapi tidaklah termasuk suatu perbuatan yang dilakukan oleh seseorang—

- (aa) semasa diambil kerja oleh, atau bertindak bagi, atau melalui perkiraan dengan, orang lain;
- (bb) sebagai pekerja atau ejen, atau selainnya bagi pihak, disebabkan oleh, atau bagi manfaat, orang lain itu; dan
- (cc) berkaitan dengan sesuatu perniagaan pengurusan kumpulan wang niaga hadapan yang dijalankan oleh orang lain itu;¹.

Seksyen barn 3e

3. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 3A seksyen yang berikut:

“Sekatan terhadap penubuhan pasaran niaga hadapan bagi kontrak niaga hadapan tertentu.

3e. (1) Tiada seorang pun boleh menubuhkan, mengendalikan, menyenggara atau membantu menubuhkan, mengendalikan atau menyenggara atau mengemukakan dirinya sebagai mengadakan, mengendalikan atau menyenggara suatu pasaran niaga hadapan di dalam atau di luar Malaysia, di mana kontrak niaga hadapan yang berasaskan, atau boleh diselesaikan dengan merujuk kepada, atau berkenaan dengan yang berikut, didagangkan secara tetap:

Akta 280.

- (a) suatu sekuriti yang telah diterima untuk disebut harga di suatu pasaran saham sesuatu bursa saham yang diluluskan di bawah subseksyen 8(1) Akta Perindustrian Sekuriti 1983;
- (b) suatu paras nilai berangka bagi mana-mana indeks yang terdiri daripada nilai atau harga atau yang terbentuk dengan merujuk kepada nilai atau harga mana-mana sekuriti yang disebut dalam perenggan (a);
- (c) suatu kontrak niaga hadapan yang didagangkan di suatu syarikat bursa;
- (d) suatu surat cara pendasar suatu kontrak niaga hadapan yang disebut dalam perenggan (c) atau suatu paras nilai berangka bagi sesuatu indeks,

suatu kadar bunga atau faktor lain yang digunakan berkenaan dengan kontrak niaga hadapan itu;

Akta 17.

(e) mata wang tempatan dalam pengertian subseksyen 2(1) Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 atau nilai yang bersamaan dengannya; atau

(f) apa-apa surat cara, indeks atau faktor lain yang ditetapkan oleh Menteri melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

(2) Tiada seorang pun boleh menyertai atau membantu atau memudahkan—

(a) apa-apa transaksi yang melibatkan suatu kontrak niaga hadapan; atau

(b) apa-apa perdagangan dalam kontrak niaga hadapan,

di suatu pasaran niaga hadapan yang disebut dalam subseksyen (1).

(3) Subseksyen (1) dan (2) tidak terpakai bagi suatu pasaran niaga hadapan terkecuali, suatu pasaran niaga hadapan sesuatu syarikat bursa atau suatu pusat penjelasan.

(4) Subseksyen (2) tidak terpakai bagi penyertaan dalam, bantuan kepada atau permudahan apa-apa transaksi yang melibatkan, atau apa-apa perdagangan dalam, suatu kontrak niaga hadapan di suatu pasaran niaga hadapan yang disebut dalam subseksyen (1) yang didagangkan di suatu pasaran niaga hadapan terkecuali, suatu pasaran niaga hadapan sesuatu syarikat bursa atau suatu pusat penjelasan.

(5) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengisytiharkan bahawa subseksyen (1)—

(a) tidak terpakai bagi suatu pasaran niaga hadapan sama ada di dalam atau di luar Malaysia berhubungan dengan mana-mana kontrak niaga hadapan atau kategori kontrak niaga hadapan yang dinyatakan dalam perintah itu; atau

(b) hendaklah terpakai hanya bagi pasaran niaga hadapan yang disebut dalam perenggan (a) mengikut apa-apa cara dan tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut oleh Menteri.

(6) Tiada apa-apa pun dalam seksyen ini boleh menyentuh suatu pasaran niaga hadapan yang merupakan suatu Bursa Ditetapkan setakat yang perdagangan dalam kontrak niaga hadapan itu tidak berhubungan dengan kontrak niaga hadapan yang disebut dalam subseksyen (1).

(7) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya."

Pindaan seksyen 7

4. Subseksyen 7(2) Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan "bursa".

Pindaan seksyen 16

5. Seksyen 16 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

"(2A) Subseksyen (1) dan (2) tidak terpakai bagi seseorang yang merupakan pemegang lesen pengurus kumpulan wang niaga hadapan yang berdagang dalam kontrak niaga hadapan bagi pihak orang lain bagi maksud perniagaan pengurusan kumpulan wang niaga hadapan orang yang mula-mula disebut itu."

Penggantian seksyen 20

6. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 20 dengan seksyen yang berikut:

“Orang yang dikecualikan daripada diisenkan di bawah Akta.
20. (1) Orang yang berikut dikecualikan daripada peruntukan seksyen 16, 16A, 17, 18, ISA dan 19:
(a) orang atau orang-orang atau kelas orang yang ditetapkan oleh Menteri, atas syor Suruhanjaya, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*: pengecualian itu adalah tertakluk kepada syarat-

syarat, had-had dan sekatan-sekatan yang ditentukan dalam perintah yang sama, oleh Menteri atas syor Suruhanjaya; dan

(b) tanpa menjejaskan keluasan peruntukan dalam perenggan (a)—

Akta

(i) seseorang pegawai penerima atau pemegang amanah di bawah Akta Kebankrapan 1967;

(ii) seseorang penerima, penerima dan pengurus atau pelikuidasi, yang dilantik oleh mahkamah;

(iii) seseorang penerima, penerima dan pengurus, atau pelikuidasi, yang dilantik selain oleh mahkamah;

(iv) seseorang yang dilantik oleh mahkamah;

(v) seseorang pemegang amanah atau orang lain yang mentadbir suatu kompromi atau perkiraan di antara suatu pertubuhan perbadanan dengan mana-mana orang atau orang-orang lain; dan

(vi) mana-mana orang lain yang ditetapkan,

yang, semasa menunaikan kewajipan-kewajipannya atas sifat itu menurut mana-mana undang-undang bertulis atau perintah mahkamah, melakukan suatu perbuatan sebagai seorang broker niaga hadapan, pengurus kumpulan wang niaga hadapan, penasihat perdagangan niaga hadapan atau wakil.

(2) Tiada apa-apa pun dalam subseksyen (1) boleh disifatkan sebagai mengecualikan orang atau orang-orang atau kelas orang yang ditetapkan atau dinyatakan dalamnya daripada mematuhi peruntukan-peruntukan lain Akta ini melainkan jika Menteri, atas syor Suruhanjaya, mengecualikan secara khusus orang atau orang-orang atau kelas orang itu daripada mematuhi peruntukan-peruntukan lain itu, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, tertakluk kepada syarat-syarat, had-had dan sekatan-sekatan yang ditentukan dalam perintah yang sama, oleh Menteri atas syor Suruhanjaya."

Pindaan seksyen 49

7. Seksyen 49 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

"(4A) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan yang mengadakan peruntukan mengenai dan berkenaan dengan pemberian nota kontrak oleh pengurus kumpulan wang niaga hadapan atau mana-mana kelas pengurus kumpulan wang niaga hadapan bagi transaksi yang dibuat oleh mereka, atau atas arahan mereka, bagi pihak orang lain."

Pindaan seksyen 51

8. Seksyen 51 Akta ibu dipinda —

- (a) dalam nota birai dengan memasukkan selepas perkataan "hadapan" perkataan "dan pengurus kumpulan wang niaga hadapan"; dan
- (b) dalam subseksyen (1) dan (2), dengan memasukkan selepas perkataan "hadapan" perkataan "dan pengurus kumpulan wang niaga hadapan".

Seksyen baru 52c, 52D, 52E, 52F dan 52G

9. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 52B seksyen yang berikut:

“Tafsiran bagi maksud seksyen 52D dan 52E —

"akaun amanah" ertinya suatu akaun semasa, deposit harta yang tajuknya mengandungi perkataan "Akaun Amanah/Klien" yang disenggara mengikut seksyen 52D;

"penjaga", berhubungan dengan suatu akaun amanah, ertinya—

- (a) suatu institusi berlesen yang dilantik oleh seorang pengurus kumpulan wang niaga hadapan setelah mendapat kebenaran bertulis daripada kliennya terlebih dahulu; atau

- (b) mana-mana institusi lain yang dilantik atau diberi kuasa oleh klien seorang pengurus kumpulan wang niaga hadapan;

"wang atau harta klien" ertinya apa-apa wang atau harta yang diterima atau disimpan oleh seseorang pengurus kumpulan wang niaga hadapan daripada, untuk atau bagi pihak seorang klien, berkaitan dengan perdagangan dalam kontrak niaga hadapan yang telah dilaksanakan atau yang dicadangkan untuk dilaksanakan, sama ada di Malaysia atau di luar Malaysia, oleh pengurus kumpulan wang niaga hadapan itu bagi pihak klien itu.

Pengendalian akaun amanah. 52D. (1) Tertakluk kepada seksyen 52G, seseorang pengurus kumpulan wang niaga hadapan hendaklah membuka suatu akaun amanah bagi wang atau harta kliennya dan hendaklah membuat perkiraan untuk mendapatkan seorang penjaga untuk menyenggara akaun amanah itu.

(2) Suruhanjaya boleh, sekiranya difikirkannya patut untuk berbuat demikian, mengecualikan seseorang pengurus kumpulan wang niaga hadapan daripada kehendak di bawah subseksyen (1) untuk mendapatkan seorang penjaga untuk menyenggara suatu akaun amanah dan membenarkan mana-mana orang lain untuk menyenggara suatu akaun amanah.

(3) Seseorang pengurus kumpulan wang niaga hadapan hendaklah membayar wang atau mendepositkan harta kliennya ke dalam akaun amanah tidak lewat daripada hari perniagaan bank yang berikutnya yang padanya pengurus kumpulan wang niaga hadapan itu menerima wang atau harta klien itu.

(4) Walau apa pun subseksyen (1), jika seseorang pengurus kumpulan wang niaga hadapan menerima wang atau harta kliennya di suatu tempat di luar Malaysia, maka pengurus kumpulan wang niaga hadapan itu boleh

membayar wang itu atau mendepositkan harta itu ke dalam suatu akaun amanah yang dibuka atau disenggara olehnya di tempat itu.

(5) Seseorang pengurus kumpulan wang niaga hadapan tidak boleh mengeluarkan apa-apa wang daripada, atau menguruskan apa-apa harta dalam, suatu akaun amanah kecuali bagi maksud membuat pembayaran kepada orang yang berhak ke atasnya atau jika selainnya dibenarkan oleh undang-undang.

(6) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam Bahagian ini, wang atau harta yang disimpan dalam suatu akaun amanah tidak boleh digunakan untuk membayar hutang atau tanggungan seseorang pengurus kumpulan wang niaga hadapan atau kena dibayar atau diambil pada melaksanakan suatu perintah atau proses mahkamah untuk membayar hutang atau tanggungan seseorang pengurus kumpulan wang niaga hadapan.

(7) Seseorang pemegang lesen wakil pengurus kumpulan wang niaga hadapan tidak boleh menerima atau memegang wang atau harta klien melainkan jika dia melakukan sedemikian bagi pihak seorang pengurus kumpulan wang niaga hadapan pada menjalankan kerja di bawah suatu kontrak kerja dengan pengurus kumpulan wang niaga hadapan itu.

(8) Tiada apa-apa pun dalam Bahagian ini boleh ditafsirkan sebagai menghapuskan atau menyentuh apa-apa tuntutan atau lien yang sah di sisi undang-undang yang dipunyai oleh mana-mana orang terhadap atau ke atas apa-apa wang atau harta yang disimpan dalam suatu akaun amanah atau terhadap atau ke atas apa-apa wang atau harta yang diterima bagi pembelian atau daripada penjualan sekuriti-sekuriti atau apa-apa surat cara lain atau berkenaan dengan apa-apa perdagangan dalam mana-mana kontrak niaga hadapan sebelum wang itu dibayar atau harta itu didepositkan ke dalam akaun amanah itu.

Penggunaan wang atau harta klien.

52E. Seseorang pengurus kumpulan wang niaga hadapan tidak boleh menggunakan wang atau harta kliennya yang diterima olehnya untuk berdagang dalam kontrak niaga hadapan untuk atau bagi pihak klien itu, melainkan jika—

- (a) dia berdagang atas asas bahawa wang atau harta klien itu hendaklah digunakan semata-mata bagi maksud-maksud tertentu yang dipersetujui oleh klien itu semasa atau sebelum dia menerima wang atau harta itu;
- (b) sementara belum digunakan di bawah perenggan (a), wang itu dibayar atau harta itu didepositkan ke dalam suatu akaun amanah selewat-lewatnya pada hari perniagaan bank berikutnya; dan
- (c) suatu catatan yang berasingan dalam buku hendaklah direkodkan dan disenggara olehnya bagi setiap klien mengikut Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, berhubungan dengan wang atau harta klien itu.

Hak mendapatkan salinan catatan dalam buku, memeriksa nota

52F. (1) Seseorang pengurus kumpulan wang niaga hadapan hendaklah membekalkan, apabila diminta, kepada kliennya atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh klien itu, salinan segala catatan dalam bukunya berhubungan dengan apa-apa transaksi.

(2) Seseorang klien seorang pengurus kumpulan wang niaga hadapan berhak untuk memeriksa, sama ada sendiri atau melalui ejennya, mana-mana nota kontrak dan pernyataan-pernyataan lain berhubungan dengan apa-apa transaksi secara percuma.

Ketidak-pakaian bagi perbadanan yang berkaitan. Akta 125,

52G. Tiada apa-apa pun dalam seksyen 52D, 52E atau 52F boleh terpakai bagi suatu perbadanan yang menguruskan wang atau harta semata-mata untuk atau bagi pihak mana-mana perbadanan yang berkaitan dengannya, dengan syarat bahawa wang atau harta perbadanan yang disebut kali kedua itu yang sedang diuruskan oleh perbadanan yang mula-mula disebut itu bukan merupakan wang atau harta yang dipegang sebagai

Perindustrian Niaga Hadapan (Pindaan) 11

suatu amanah atau bagi pihak atau yang pemunya benefisialnya ialah mana-mana orang lain, atau yang terhasil daripada apa-apa kontrak pelaburan sebagaimana *Akta* yang ditakrifkan dibawah subseksyen 84(1) Akta Syarikat 1965 dibuat oleh perbadanan yang disebut kali kedua itu.".

Pindaan seksyen 53

10. Subseksyen 53(3) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "seseorang" perkataan "yang dengannya suatu perjanjian telah dibuat atau".

Pindaan seksyen 102

11. Seksyen 102 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan "broker niaga hadapan" perkataan "dan pengurus kumpulan wang niaga hadapan"; dan
- (b) dalam subseksyen (2), dengan memasukkan selepas perkataan "broker niaga hadapan" perkataan "atau pengurus kumpulan wang niaga hadapan".

Pindaan seksyen 103

12. Seksyen 103 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan "broker niaga hadapan" perkataan "dan pengurus kumpulan wang niaga hadapan"; dan
- (b) dalam subseksyen (2)—
 - (i) dalam perenggan (a), dengan memasukkan selepas perkataan "hadapan" perkataan "atau pengurus kumpulan wang niaga hadapan"; dan
 - (ii) dalam perenggan (b), dengan memasukkan selepas perkataan "broker" perkataan "niaga hadapan atau pengurus kumpulan wang niaga hadapan".

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 ("Akta 499").

2. *Fasal 1* memperkatakan tajuk ringkas dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
3. *Fasal 2* bertujuan meminda seksyen 2 Akta 499—
 - (a) untuk meminda takrif "perniagaan pembrokeran niaga hadapan" supaya tidak meliputi aktiviti yang dijalankan oleh seorang pengurus kumpulan wang niaga hadapan bagi maksud perniagaan pengurusan kumpulan wang niaga hadapannya; dan
 - (b) untuk meminda takrif "perniagaan pengurusan kumpulan wang niaga hadapan" bagi mengambil kira tafsiran semula "pengurus kumpulan wang" dalam Akta Perindustrian Sekuriti 1983.
4. *Fasal 3* bertujuan memasukkan seksyen baru 3B ke dalam Akta 499 untuk melarang penubuhan suatu pasaran niaga hadapan yang berdagang dalam kontrak niaga hadapan berasaskan surat cara yang dinyatakan dalam peruntukan itu.
5. *Fasal 5* bertujuan meminda seksyen 16 Akta 499 bagi memperuntukkan bahawa seorang pemegang lesen pengurus kumpulan wang niaga hadapan boleh berdagang dalam kontrak niaga hadapan bagi pihak orang lain tanpa perlu dilesenkan sebagai seorang broker niaga hadapan.
6. *Fasal 6* bertujuan menggantikan seksyen 20 Akta 499 dengan suatu seksyen 20 yang baru yang memperkatakan kuasa Menteri untuk mengecualikan orang atau orang-orang atau kelas orang, atas syor Suruhanjaya, daripada kehendak-kehendak pelesenan di bawah Akta 499 dalam perenggan (1)(a) dan penetapan orang lain yang dikecualikan daripada kehendak yang sama dalam perenggan (1)(b)
7. *Fasal 7* bertujuan meminda seksyen 49 Akta 499 bagi membolehkan Menteri membuat peraturan-peraturan tentang nota kontrak yang diberikan oleh pengurus kumpulan wang niaga hadapan juga.
8. *Fasal 8* bertujuan meminda seksyen 51 Akta 499 untuk membolehkan Menteri membuat peraturan-peraturan berhubung dengan pernyataan-pernyataan yang diberikan oleh pengurus-pengurus kumpulan wang niaga hadapan juga.

9. *Fasal 9* bertujuan memasukkan seksyen-seksyen baru 52c, 52D, 52E, 52F dan 52G ke dalam Akta 499 untuk memastikan bahawa peruntukan-peruntukan tersebut adalah sejajar dengan peruntukan-peruntukan di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983 berkenaan dengan perlindungan ke atas wang dan harta klien seseorang pengurus kumpulan wang niaga hadapan.

10. *Fasal II* dan *12* bertujuan meminda seksyen 102 dan 103 Akta 499 untuk meletakkan semua pengurus kumpulan wang niaga hadapan yang menjalankan perniagaan pengurusan kumpulan wang niaga hadapan pada kedudukan yang sama seperti broker-broker niaga hadapan.

11. Pindaan-pindaan lain yang tidak disebut secara khusus adalah kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN. (U²) 2056.]